uum/AA49/BH/14.12.2005/P: B8 (6)

PUTRAJAYA

Geran penyelidikan

BH 14/12/05 B8:6

INSTITUT Pemikiran Dr Mahathir (IPDM) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kelab Warisan Malaysia (Keris) menawarkan geran penyelidikan peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) membabitkan kajian terhadap pemikiran bekas Perdana Menteri itu.

Sebagai permulaan, lima geran setiap satunya bernilai RM7,500 ditawarkan kepada penyelidik mulai tahun depan, dengan keutamaan diberi kepada pelajar luar negara.

Majlis menandatangani perjanjian antara Keris dan IPDM disempurnakan di sini, semalam oleh Yang Dipertua Keris yang juga Ketua Pengarah Biro Tatanegara (BTN), Mohamad Dzaki Jusoh dan Pengarah IPDM, Prof Madya Dr Mustapa Kassim.